

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Projek Bekalan Air Luar Bandar di kawasan Parlimen Lanang bagi tempoh 2010-2020. Senaraikan projek-projek tersebut dan apakah usaha Kementerian untuk membantu mereka yang tidak mampu membayar kos penyambungan bekalan elektrik dan air di rumah panjang Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak lima (5) projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) telah siap dilaksanakan di kawasan Parlimen Lanang untuk tempoh tahun 2010 hingga tahun 2020. Pelaksanaan projek ini adalah melibatkan tujuh belas (17) buah kampung dan memberi manfaat bekalan elektrik kepada 589 buah rumah.

Untuk makluman Yang Berhormat, skop pelaksanaan BELB hanyalah sehingga talian perkhidmatan dan kos pemasangan meter elektrik adalah di bawah tanggungjawab pemilik rumah. Namun begitu, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Energy Berhad (SEB) menyediakan Skim Bantuan Pendawaian (AWS) bagi membantu penduduk luar bandar yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pemasangan meter elektrik secara bayaran ansuran melalui caj yang dikenakan di dalam bil elektrik bulanan pemilik.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Parlimen Lanang bagi tahun 2010-2020 yang masih dalam pelaksanaan adalah Projek BALB Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 7 – Sibu yang melibatkan kos sebanyak RM7 juta. Status projek adalah 93% siap.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, skop BALB Kementerian adalah penyambungan sistem paip retikulasi daripada paip utama Pihak Berkuasa Air Negeri sehingga ke dapur rumah pengguna baharu dengan satu paip pili berdiri. Walau bagaimanapun pengguna baharu dikenakan caj deposit pemasangan meter oleh Jabatan Bekalan Air Luar Bandar, Sarawak (JBALB) di mana caj deposit ini boleh dituntut semula oleh pengguna apabila akaun dengan JBALB ditutup. Caj deposit meter ini tidak termasuk di dalam skop projek BALB Kementerian ini.